

FOKUS

ISTIADAT KONVOKESYEN KE 12



PAUH PUTRA, Seramai 3,180 graduan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menerima ijazah masing-masing di Istiadat Konvokesyen ke-12 universiti itu pada 28 hingga 30 Oktober 2017 yang berlangsung dalam enam sidang di Dewan Ilmu, Kampus UniMAP Pauh Putra.

Mereka terdiri daripada 75 graduan doktor falsafah, 130 graduan ijazah sarjana sains, 58 graduan ijazah sarjana pengurusan perniagaan, 1424 ijazah sarjana muda kejuruteraan, 562 ijazah sarjana muda teknologi kejuruteraan, 466 graduan ijazah sarjana muda perniagaan, 136 graduan ijazah sarjana muda komunikasi media baharu dan 329 graduan diploma.

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail merangkap Tuanku Canselor UniMAP dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil yang juga Pro-Canselor UniMAP berkenan berangkat bagi tujuan menyempurnakan Istiadat Konvokesyen itu.

Buat julung kali ini, sempena Istiadat Konvokesyen, UniMAP mengadakan Hooding Ceremony iaitu satu majlis penghargaan kepada semua graduan Doktor Falsafah iaitu 40 graduan tempatan dan 35 graduan antarabangsa serta para penyelia mereka di Hotel Putra Regency, Kangar. Lebih bermakna, Istiadat kali ini turut menyaksikan kohort pertama graduan

Komunikasi Media Baharu dari Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (IKOM).

Bagi Istiadat kali ini juga, buat pertama kalinya Jawatankuasa Pengijazahan secara pentadbiran pada 2 Oktober 2017 telah meluluskan penganugerahan Ijazah Anumerta kepada Muhamad Izzat Naim Bin Roslan daripada Program Kejuruteraan Pembuatan yang meninggal dunia pada 3 September 2017 yang lalu. Ijazah berkenaan dinamakan sebagai Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) (Kejuruteraan Pembuatan) (Ijazah Anumerta).

UniMAP turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah seperti istiadat yang lepas. Bagi istiadat kali ini, Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan dianugerahkan kepada Tun Abdullah Ahmad Badawi, mantan Perdana Menteri Kelima. Namun atas beberapa faktor Tun Abdullah tidak dapat hadir menerima anugerah berkenaan pada sidang pertama istiadat berlangsung.

Anugerah itu dianugerahkan kepada beliau di atas jasa dan sumbangan beliau yang begitu besar dalam usaha membangunkan modal insan negara yang menjadi antara teras utama dalam melahir serta memperkembangkan ekonomi berlandaskan teknologi dan pengetahuan.

Justeru, penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan adalah satu pengiktirafan UniMAP terhadap segala sumbangan dan jasa bakti seorang tokoh dan negarawan ulung dalam pentadbiran awam walaupun beliau telah bersara sebagai Perdana Menteri pada 2 April 2009. Selain Tun Abdullah, UniMAP turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Sarjana Kejuruteraan kepada Encik Shaharizal Haji Ariffadillah yang merupakan Pengarah Operasi Aerospace Composite Malaysia (OCM).

Sepanjang 18 tahun perkhidmatan Encik Shaharizal di ACM, beliau telah memegang pelbagai jawatan antaranya ialah Production Manager, Contract Administrator, Program Manager, Business Development Manager, Operations Manager dan Factory Manager. Memiliki keahlian profesional dalam The Society for the Advancement of Material and Process Engineering, pada tahun 2015, beliau telah diberikan kepercayaan memegang jawatan sebagai Operations Director. Pada tahun 2011, beliau telah diberi peluang untuk menyampaikan pembentangan sempena Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition 2011 (LIMA) bertajuk Aerospace Composites Manufacturing and Future Milestone.

Menyedari kepentingan untuk merancakkan pertumbuhan industri aeroangkasa di Malaysia, Encik Shaharizal yang mewakili ACM bersama-sama Politeknik METRO Tasek Gelugor (PMTG) mengadakan kerjasama strategik dalam merangka program Diploma Professional Aerospace Composite Machining untuk memenuhi tuntutan industri dalam bidang komposit dan permesinan Kawalan Numerik Komputer (CNC).

Program berkenaan bukan sahaja dapat menyediakan tenaga pekerja mahir yang memenuhi keperluan malah mampu menjadi medium pemilihan sumber manusia yang lebih efektif dari segi masa, kos dan tenaga. Untuk menambahbaik hasil pengeluaran bahan komposit kepada pelanggan, di bawah kelolaan dan pantauan



Encik Shaharizal, ACM telah menjalankan kerjasama erat dengan beberapa institusi pengajian tinggi termasuk UniMAP untuk meningkatkan teknologi pembuatan melalui teknologi automasi, contohnya dengan penyediaan Automatic Painting System. Melalui teknologi ini, proses mengecat yang sebelumnya dilaksanakan secara manual akan di ganti dengan penggunaan mesin yang lebih efektif yang secara tidak langsung dapat meningkatkan kualiti pengecatan produk keluaran ACM dan menambah nilai dalam aspek kemahiran sumber manusia.

Setiap Istiadat Konvokesyen UniMAP, universiti akan menganugerahkan Anugerah Pingat Emas Diraja kepada dua pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik dan sahsiah. Bagi istiadat kali ini, anugerah berkenaan diperolehi Nur Annashua Zakry iaitu pelajar Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Kepujian) (Proses Kimia Industri) dan pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Rangkaian Komputer) Cheng Beng Tatt.

Manakala bagi Anugerah Pingat Emas Canselor pula dianugerahkan kepada dua pelajar terbaik UniMAP dalam akademik dan ko-kurikulum. Mereka ialah Mohamad Aliff Syazuan Kamarudin dan Chung Chiaw Huey yang kedua-duanya pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Sistem

Elektrik). Bagi Anugerah Pingat Emas Canselor pula dianugerahkan kepada LIMA orang Graduan UniMAP (termasuk Diploma) yang mana Bidang: Kecemerlangan dalam bidang Sukan & Berpersatuhan serta pencapaian Akademik yang baik, aktif dalam aktiviti ko-kurikulum dan mempamerkan daya kepimpinan yang tinggi, ciri-ciri sahsiah yang mantap serta boleh dicontohi adalah kriteria pemilihan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilihan.

Pelajar Kejuruteraan Sistem Elektrik Muhamad Ridzuan Mohd Raki dan Hum Boon Chi serta pelajar antarabangsa dari program Kejuruteraan Perhubungan Hamse Abdillah Haji Ormer meraih anugerah ini bagi kategori sarjana muda manakala kategori diploma ialah pelajar Kejuruteraan Elektrik, Nurfatin Nabila Norasri dan pelajar Kejuruteraan Mekatronik, Gabriel Tan Hong Tzuan.

